

Negara membangun utama Asia enjin pertumbuhan global

NEGARA membangun utama Asia seperti Malaysia, China dan India bakal menjadi enjin pertumbuhan seterusnya bagi pembangunan ekonomi global apabila kemelesetan berakhir, kata Ketua Ekonomi Global Principal Global Investors, Dr Robert F Baur.

Beliau berkata, pasaran membangun, sebagai satu pertiga daripada ekonomi global, memainkan peranan

lebih besar dalam pembangunan terbabit.

"Ia adalah ekonomi global serentak, bukan hanya pertumbuhan di Malaysia, tetapi juga pertumbuhan dua angka di Korea Selatan dan Singapura," katanya pada taklimat media mengenai, 'Apa Sudah Terjadi Pada Malapetaka?', dianjurkan CIMB Principal Asset Management, Kuala Lumpur, semalam.

Baur menjelaskan, perin-

dustrian dan urbanisasi dijangka berterusan di pasaran membangun manakala pembangunan berterusan turut berlaku di kawasan bandar di Asia pada masa depan.

Kemelesetan ekonomi global, katanya, dijangka berakhir dalam tempoh terdekat ini berdasarkan beberapa penanda aras utama seperti kadar pengambilan pekerja dan gaji, yang menunjukkan pertumbuhan positif di Amerika

Syarikat, selain sektor perumahan dan automotif yang turut menunjukkan sedikit peningkatan.

Beliau berkata, pengambilan pekerja di AS kepada 10.5 peratus atau 10.6 peratus pada suku kedua 2010 kerana ramai kembali bekerja tetapi pada kadar perlahan.

"Namun, penanda aras lebih utama bagi pertumbuhan pekerjaan ialah pengambilan

pekerja sementara yang meningkat kepada 34,000 pada Oktober, yang mana angka bagi Ogos dan September juga disemak semula kepada positif.

"Syarikat akan mengambil pekerja sementara terlebih dulu dan ini adalah penanda penting yang mencerminkan perniagaan sedang berkembang," katanya.

Pusingan Doha bantu tingkat ekonomi AS

DARI MUKA 21

Baur berkata, penanda aras lain ialah laporan pembayaran gaji pekerja yang disemak semula kepada positif di AS manakala penunjuk lain ialah lonjakan dalam pengambilan pekerja sektor pembuatan yang meningkat kepada 53.1 peratus, sekali gus mencerminkan sektor berkenaan sedang berkembang.

Menyentuh Pusingan Doha, sama ada apabila dimuktamadkan kelak, akan memberi sumbangan terhadap pertumbuhan AS, Baur berkata:

"Ia sangat membantu. Saya rasa perdagangan bebas secara teori tingkatkan produktiviti kerana negara boleh menumpu mengeluarkan yang terbaik daripada mereka.

"Saya harap Pusingan Doha akan dipertingkatkan sekali lagi. Beberapa percubaan telah dibuat bagi memastikan ia berjalan lancar."

Baur berkata, meskipun pemulihan ekonomi sedang berlaku, risiko masih lagi ada.

Perniagaan, katanya, tidak mempunyai insentif untuk berkembang apabila cukai dinaikkan bersama dengan kesan daripada perubahan dalam dasar kerajaan yang tidak disengajakan.

"Bolehkah pemulihan ini berterusan? Ia boleh kerana perbelanjaan pengguna bertambah baik," katanya sambil menambah menjelang suku keempat 2010, keyakinan pengguna dijangka kembali semula dan berterusan ke 2011.